

## **KESEDARAN PENJAWAT AWAM TERHADAP KEPENTINGAN TAKAFUL DALAM KALANGAN BELIA DI HOSPITAL**

**Nurulhayah Muhamad<sup>1</sup>, Tijan Hanini Abdul Hamid<sup>2</sup>, Nurul Liyana Hussin<sup>3</sup>  
& Rohailin Zainon<sup>4</sup>**

<sup>1,3,4</sup>Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

<sup>2</sup>Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Kolej Universiti Islam Melaka.

### **ABSTRAK**

Takaful merupakan satu rancangan insuran yang berasaskan kepada hubungan persaudaran, rasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam kalangan peserta takaful yang menyertai takaful. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful di Hospital Tuanku Fauziah, Perlis. Kajian ini tertumpu kepada penjawat awam dalam kalangan belia di Hospital Tuanku Fauziah. Seramai 145 orang responden telah menjawab soal selidik yang diberikan. Analisis statistik regresi dengan menggunakan kaedah path analisis telah digunakan bertujuan menentukan pengaruh faktor pengetahuan, sikap dan kewangan ke atas kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia di hospital tersebut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dua pembolehubah iaitu sikap dan kewangan mempengaruhi kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Manakala faktor pengetahuan pula tidak mempengaruhi kesedaran terhadap kepentingan takaful. Dapatan kajian ini turut menunjukkan faktor sikap merupakan elemen yang paling dominan dalam mempengaruhi kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Kajian ini merumuskan bahawa untuk meningkatkan kesedaran penjawat awam, sikap individu itu sendiri yang sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan perlu diterapkan.

**Kata kunci :** *kesedaran kepentingan takaful, pengetahuan, sikap, kewangan.*

## **AWARENESS OF CIVIL SERVANTS AMONG THE YOUTH AT HOSPITAL ON THE IMPORTANCE OF TAKAFUL**

### **ABSTRACT**

Takaful is an insurance plan based on the relationship between brotherhood, mutual responsibility and mutual cooperation among takaful participants participating in takaful. This research is conducted to examine the awareness of civil servants among the youth on the importance of takaful at Tuanku Fauziah Hospital, Perlis. This study focused on civil servants among youths in Tuanku Fauziah Hospital. A total of 145 respondents have answered the questionnaire given. Regression statistical analysis using path analysis method are used to determine the influence of knowledge, attitude and finance against the awareness of civil servants among the youth on the importance of takaful at the hospital. Results of the study show that two variables which are attitude and finance influence the awareness of civil servants among the youth on the importance of takaful. While knowledge is not influencing the awareness on the importance of takaful. The study also shows that attitude is the most dominant element to influence the awareness of civil servants among the youth on the importance of takaful. This research state that to increase the awareness of civil servant, thhe individual attitude itself who is always ready to face any possibilities need to be applied.

**Keywords :** *awareness on the importance of takaful, knowledge, attitude, finance.*

### **PENGENALAN**

Takaful didefinisikan dalam bahasa ialah kafala iaitu menjamin, memelihara dan menjaga dan takafala dimana memberi maksud saling menjamin, saling memelihara dan saling menjaga. Dalam konsep ini takaful lebih kepada memberi sumbangan yang berasaskan hubungan persaudaraan dimana akan merasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam kalangan peserta takaful yang menyertai pakatan ini (Sadad, 2012). Pada tahun 2012, jumlah aset bagi industri takaful telah meningkat kepada RM19.1 bilion berbanding dengan RM195.6 bilion bagi insurans konvensional. Dari segi jumlah aset industri insurans dan takaful, boleh disimpulkan bahawa dana takaful masih jauh di belakang berbanding dengan insurans konvensional (Izzati Liyana Awang & Hendon Redzuan, 2015).

Selain itu, penjawat awam juga dapat kemudahan melalui program CUEPACS dengan kerjasama Medicare Assistance Sdn Bhd telah memperkenalkan Program Takaful Penghospitalkan dan Pembedahan "cuepacscare" pada tahun 1999, program ini dikhas untuk Penjawat Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Ini adalah satu inisiatif untuk mewujudkan alternatif bagi penjawat awam bersama keluarga untuk mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta pada kadar yang mampu disertai oleh semua warga penjawat awam. Program takaful penghospitalkan dan pembedahan cuepacscare adalah skim alternatif yang terbaik dengan keistimewaan yang ditawarkan ialah melindungi seisi keluarga dengan perlindungan tanpa had bilangan anak dalam satu pelan keluarga. Yang kedua mudah digunakan kerana diterima lebih dari 70 buah hospital panel swasta di seluruh Malaysia. Ketiga ialah manfaat komprehensif mampu dimiliki dan mudah disertai.

Definisi belia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagaimana pendapat Commonwealth Secretariat, (2014) mengkategorikan belia adalah kumpulan umur dari 15 hingga 25 tahun. Golongan belia perlu dikategorikan mengikut kelompok berdasarkan umur dan kegiatan utama mereka. Tujuannya adalah bagi menyediakan program pembangunan yang sesuai kepada mereka. Kategori yang diwujudkan adalah Belia Remaja dalam lingkungan permulaan baligh dan masih pada peringkat sekolah, Kategori Belia Institusi (umur 18 hingga 25 tahun), kategori Belia Awal Pekerjaan (umur 18 hingga 23 tahun), Kategori Belia Industri (umur 20 hingga 30 tahun) dan kategori Belia Veteran (umur 30 hingga 40 tahun). Pada usia ini, mereka telah mencapai kematangan dan ada tanggungjawab yang lebih tinggi pada keluarga. Walaupun terdapat pelbagai definisi belia mengikut umur oleh setiap negara, namun begitu definisi yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia menjadi asas kepada kajian ini iaitu antara 15 hingga 40 tahun (Pah, Syed, & Yasin, 2016).

Sehingga kini, tidak dinafikan terdapat peningkatan permintaan dalam pasaran industri takaful namun masih ramai tidak mempunyai perlindungan takaful. Walaupun pasaran takaful telah ditubuhkan lebih daripada 25 tahun, namun terdapat ramai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai perlindungan takaful. Menurut kenyataan yang diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil (2015), beliau menjelaskan bahawa pasaran takaful berkembang pesat pada tahun kebelakangan ini. Statistik juga menunjukkan kira-kira 45 peratus penduduk Malaysia mempunyai satu produk insuran namun apa yang mengecewakan kurang daripada 15 peratus penduduk Malaysia mempunyai produk takaful. Justeru maklumat ini membuktikan bahawa industri takaful Malaysia masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dari segi penembusan keseluruhan pasaran insuran dan saham konvensional (Rafdi, Puad, Sanusi, & Shahar, 2017).

Menurut Izzati dan Hendon (2015) persepsi pelajar bukan Islam masih lagi rendah terhadap takaful yang mana responden masih tidak cakna dengan kemudahan yang disediakan di bawah perlindungan takaful dan tidak mengetahui konsep yang digunakan dalam urusan takaful walaupun mereka sedar akan kewujudan takaful. Maklumat daripada Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran oleh Bank Negara Malaysia (2016) mendapati hanya 4 peratus daripada isi rumah dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah mempunyai perlindungan insurans hayat atau takaful keluarga.

Melalui laman web rasmi Takaful Ikhlas (2016), kadar penembusan industri takaful di negara ini masih berada di tahap rendah iaitu sekitar 13 peratus sahaja berbanding produk insuran konvensional yang ketika ini berada di sekitar 40 peratus. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Bhd., Datuk Ab. Latiff Abu Bakar berkata, statistik berkenaan menunjukkan rakyat Malaysia terutama golongan bumiputera masih memandang rendah terhadap kepentingan mempunyai polisi perlindungan. Sikap orang Melayu yang tidak ambil kisah tentang perlindungan takaful perlu segera diubah supaya kehidupan mereka lebih terjamin. Jika kita melihat rakyat di kebanyakan negara maju, mereka meletakkan insuran perlindungan diri dan keluarga sebagai kepentingan utama, bukannya sistem perbankan dan amanah saham.

Melalui laman web rasmi Cuepascare penglibatan penjawat awam dalam program ini adalah seramai 73 332 penerima manfaat berbanding jumlah penjawat awam pada tahun 2018 adalah seramai 1.62 juta iaitu hanya 4.5 peratus sahaja. Jumlah penglibatan ini adalah terlalu rendah, hal ini menunjukkan bahawa kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful adalah isu yang harus diambil perhatian yang serius oleh syarikat takaful di negara ini.

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

1. Mengkaji pengaruh pengetahuan terhadap kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.
2. Mengkaji pengaruh sikap terhadap kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.
3. Mengkaji pengaruh kewangan terhadap kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Pengetahuan Mempengaruhi Kesedaran Penjawat Awam Terhadap Kepentingan Takaful**

Pengetahuan adalah satu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan juga maklumat di mana ia berasal daripada pengalaman baru ataupun lampau sama ada diketahui diri sendiri atau dari sumber lain yang digunakan untuk mencapai matlamat (Yuhanis Che Hassan, 2015). Masyarakat Islam di Malaysia telah menerima pakai istilah insuran secara meluas, namun sebenarnya masih ramai yang tidak memahami perjalanan akad atau kontrak insuran tersebut serta perspektif Islam terhadapnya. Kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia melihat insuran sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Mereka beranggapan bahawa insuran adalah sesuatu keadaan untuk mendapatkan perlindungan atau jaminan keselamatan iaitu satu jaminan terhadap sesuatu, ganti rugi atau pampasan berbentuk harta atau kewangan apabila berlaku sesuatu musibah seperti takaful terhadap nyawa, kemalangan, kecurian, rompakan dan seumpamanya (Norunnajjah Ahmat, 2016).

Faktor pertama adalah kefahaman konsep yang jelas berkaitan takaful dan syarat-syarat pematuhan syariah oleh pelanggan mempunyai hubungan diantara pemilihan takaful di kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu pengetahuan ajaran Islam juga mempunyai hubungan positif terhadap pemilihan takaful di kalangan masyarakat (Rafdi et al., 2017).

Mustazar, Alias dan Mohd Zukime (2015) menyatakan pendidikan pengetahuan yang tinggi mempunyai hubungan positif dengan permintaan insuran am dan tahap kesedaran atau pendidikan terhadap kepentingan insuran akan meningkatkan permintaan insuran am di pasaran sebagai awasan atau tabungan. Nurul Shahnaz dan Victorian (2013) dalam kajiannya merumuskan tahap pendidikan pengetahuan yang tinggi mempunyai hubungan yang positif terhadap pemilihan insurans hayat. Kesimpulannya, pengetahuan amatlah penting kerana ia merupakan salah satu tunjang utama kesedaran penjawat awam dalam penyertaan pelan takaful.

### **Sikap Mempengaruhi Kesedaran Penjawat Awam Terhadap Kepentingan Takaful**

Sikap seseorang individu berubah dimana ia akan mendorong kepada perubahan tingkah laku. Hal ini terjadi apabila tingkah laku manusia yang mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila sikap telah berubah, maka tingkah laku manusia secara tidak langsung akan berubah (Mohd Hilmi M. & Kamaliah S, 2013). Sikap merupakan tingkah laku psikologi yang tidak boleh diperhatikan secara keseluruhan melalui perlakuan dimana ia akan berlaku daripada dorongan dalaman yang diperolehi daripada pengalaman lepas serta pada masa hadapan. Sikap yang positif akan mempengaruhi tingkah laku yang baik manakala sikap yang negatif akan memberi impak yang buruk kepada tingkah laku. Hal ini bermaksud, seseorang akan membuat keputusan untuk bertindak setelah menilai perlakuan itu baik ataupun buruk (Mohd Musa Sarip, Mohamad Sabri Haron & Khairul Anwar Mastor, 2014).

Menurut Razak et al. (2013) pula telah menjalankan kajian untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan terhadap takaful di kalangan masyarakat Malaysia. Faktor-faktor yang terlibat menerusi kajian ini adalah persepsi, ciri-ciri produk, promosi serta faedah dan perkhidmatan yang berkualiti, hasil daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif diantara faktor persepsi kerana melalui persepsi ini akan mengubah sikap individu untuk memilih untuk mengambil atau tidak pelan takaful.

Oleh itu, sikap akan mempengaruhi kesedaran dalam menyertai takaful sama ada secara langsung ataupun tidak langsung kerana ia merupakan satu proses mental yang bersifat perasaan dan akan dilihat melalui gelagat individu terhadap sesuatu perkara. Kesimpulannya, dengan adanya sikap yang bertimbang rasa dan mahukan kesempurnaan, individu akan memilih pelan takaful yang paling terbaik untuk diri dan keluarga.

### **Kewangan Mempengaruhi Kesedaran Penjawat Awam Terhadap Kepentingan Takaful**

Selain itu, dalam kajian lain mendefinisikan bahawa pengurusan kewangan merupakan perancangan kewangan untuk perancangan yang menyeluruh yang meliputi pelbagai bentuk urusan seperti barangan, perkhidmatan dan sebarang aktiviti. Pengurusan dalam kewangan memerlukan kebijaksanaan dan integriti kerana ia akan dapat diuruskan dengan cekap dan sistematik untuk individu itu sendiri ataupun organisasi seterusnya akan memberi impak yang positif kepada individu itu sendiri (Mohd Richard Neles Abdullah, 2013).

Hasil daripada kajian lepas mendapati antara faktor yang menghalang penyertaan masyarakat dalam takaful ialah dari aspek kewangan di mana masyarakat melayu mempunyai pendapatan yang rendah dan tidak mampu untuk menyertai skim takaful yang ditawarkan (Izzati Liyana Awang & Hendon Redzuan, 2015).

Pendapatan kewangan merupakan penentu yang akan memberi kesan dalam penyertaan takaful. Ia dapat dirumuskan pendapatan kewangan mempunyai hubungan yang positif terhadap permintaan takaful. Semakin tinggi pendapatan kewangan, semakin tinggi permintaan terhadap pemilihan takaful (Mohamad & Dzarif, 2016). Kesimpulannya, kewangan amatlah penting dalam kehidupan harian individu untuk meneruskan kehidupan seharian. Kewangan juga penting kerana dengan jayanya pengurusan kewangan individu akan lebih mudah dalam penyertaan pelan takaful.

## **METODOLOGI**

Kajian ini akan dijalankan di Hospital Tuanku Fauziah untuk melihat kesan faktor pengetahuan, sikap dan kewangan ke atas kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Seramai 145 orang penjawat awam dalam kalangan belia telah dipilih untuk menjadi responden dalam menjawab soal selidik. Jumlah sampel adalah ditentukan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2007). Pengumpulan data yang akan dilakukan adalah melalui soal selidik berstruktur yang diedarkan dan soalan ini menggunakan skala likert. Seterusnya, data dianalisis menggunakan ujian korelasi pearson dan analisis path regrasi dengan menggunakan perisian AMOS. Dalam kajian ini, instrumen yang telah diguna pakai berdasarkan beberapa kajian dan diselaraskan untuk merangkumi sebahagian besar aspek-aspek penting dalam kepentingan takaful.

## **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 1 : Maklumat Demografi

Profil	Kekerapan	Peratusan (%)	
Jantina	Lelaki	66	45.5
	Perempuan	79	54.5
	Jumlah	145	100.0
Taraf Pendidikan	SPM	28	19.3
	Diploma	43	29.7
	Ijazah Sarjana Muda	57	39.3
	Ijazah Sarjana	7	4.8
	Lain-lain	10	6.9
	Jumlah	145	100.0
Pendapatan (RM)	2000 ke bawah	73	50.3
	2001 - 3000	31	21.4
	3001 - 4000	13	9.0
	4001 - 5000	12	8.3
	5001 dan ke atas	16	11.0
	Jumlah	145	100.0
Jenis plan takaful yang disertai	Takaful Malaysia	14	9.7
	Takaful Ikhlas	10	6.9
	Takaful AIA	12	8.3
	Lain-lain	109	75.2
	Jumlah	145	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina, taraf pendidikan, pendapatan dan jenis plan takaful yang disertai oleh mereka. Di dalam keputusan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa majoriti golongan penjawat awam ini tidak melanggan plan takaful yang lazim atau yang sering disertai oleh masyarakat Malaysia pada umumnya. Hanya 14 orang merupakan peserta Takaful Malaysia, 12 orang peserta Takaful AIA dan hanya 10 orang merupakan peserta Takaful Ikhlas.

### **Analisis Korelasi**

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pembolehubah yang dikaji iaitu hubungan antara kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesemua pembolehubah bebas berada dalam kekuatan hubungan yang kuat, sederhana dan lemah mengikut Jadual 2.

Jadual 2 : Korelasi pembolehubah dan kesedaran penjawat awam

Pembolehubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Pengetahuan	0.226**	0.024
Sikap	0.668**	0.000
Kewangan	0.364**	0.000


Hasil daripada data analisis yang dipaparkan pada jadual 4.3 menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan juga kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful ( $r = 0.226$ ,  $p < 0.05$ ). Hubungan antara pengetahuan dan kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful adalah lemah. Korelasi hubungan antara pemboleh ubah adalah positif di mana jika semakin tinggi pengetahuan, semakin tinggi kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan juga kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful ( $r = 0.668$ ,  $p < 0.05$ ). Hubungan antara sikap dan juga kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful adalah perkaitan yang kuat. Korelasi menunjukkan hubungan yang positif di mana semakin tinggi sikap yang baik, semakin tinggi kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.

Seterusnya, hasil kajian mendapati hubungan kewangan dan kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful adalah signifikan ( $r = 0.364$ ,  $p < 0.05$ ). Hubungan antara kewangan dan juga kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful adalah sederhana. Korelasi menunjukkan hubungan yang positif di mana semakin tinggi kewangan, semakin tinggi kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful.

### **Analisis Path Regresi**

Untuk menentukan set terbaik peramal pembolehubah dalam meramalkan kesedaran penjawat awam, kaedah regresi analisis path (lalu) digunakan. Berdasarkan pada kaedah regrasi analisis path yang digunakan, dua dari tiga peramal didapati penting dalam menerangkan keseluruhan kesedaran penjawat awam dalam kajian ini. Dua pemboleh ubah peramal tersebut adalah Sikap ( $X_2$ ) dan Kewangan ( $X_3$ ). Manakala Pengetahuan ( $X_1$ ), tidak menyumbang kepada kesedaran penjawat awam terhadap kepentingan takaful kerana menunjukkan nilai yang tidak signifikan. Rajah 1 menunjukkan analisis path model kajian ini menyumbang kepada kesedaran penjawat awam.



Rajah 1 : Analisis Path

Nilai  $R^2$  adalah 0.50 menunjukkan bahawa tiga prediktor pembolehubah menyumbang sekitar 50% dari varians kesedaran penjawat awam. Ini menunjukkan hasil dapatan kajian yang amat baik. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa jika satu unit Sikap ( $X_2$ ) meningkat, maka tahap kesedaran penjawat awam juga turut meningkat sebanyak 0.56 unit. Begitu juga jika satu unit Kewangan ( $X_3$ ) meningkat, maka tahap kesedaran penjawat awam juga turut meningkat sebanyak 0.23. Kajian juga menunjukkan faktor Sikap merupakan penyumbang terbesar kepada kesedaran penjawat awam. Manakala Pengetahuan ( $X_1$ ) tidak menyumbang kepada kesedaran penjawat awam terhadap kepentingan takaful kerana nilai beta yang terlalu kecil dan tidak signifikan. Oleh kerana itu, model yang dijangkakan adalah seperti berikut:

$$Y = 0.56 (X_2) + 0.23 (X_3) + e1$$

## PERBINCANGAN

Berdasarkan keputusan kajian analisis yang diperolehi, sikap mempunyai hubungan dengan kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Sikap, norma subjektif dan jumlah maklumat terhadap penyertaan insurans Islam (takaful) di kalangan masyarakat Islam membuktikan bahawa ia merupakan faktor terpenting dan mempunyai hubungan positif dalam menentukan hasrat menyertai insurans Islam (Rafdi et al., 2017). Hal ini menyokong kerana persepsi akan mendorong seseorang untuk mengubah sikap kearah yang lebih baik. Berdasarkan keputusan kajian analisis yang diperolehi juga, kewangan mempunyai hubungan dengan kesedaran penjawat awam dalam kalangan belia terhadap kepentingan takaful. Hasil kajian ini menyokong kajian oleh (Mohamad & Dzarif, 2016) yang menunjukkan bahawa tahap pemilikan kad perubatan akan bertambah apabila taraf pendidikan dan pendapatan juga meningkat. Ini merupakan suatu fenomena yang lazim dan lumrah.

## **RUJUKAN**

- Izzati, L. A. & Hendon, R. (2015). Persepsi Pelajar Bukan Islam Terhadap Takaful (Non Muslim Student's Perception on Takaful), 18(2), 1–13.
- Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran oleh Bank Negara Malaysia (2016).
- Mohamad, R. M. & Dzarif, M. A. F. (2016). Hubungan Antara Demografi Dan Tahap Pengetahuan Kakitangan Politeknik Hulu Terengganu Dalam Pemilikan Kad Perubatan Razia Malini binti Mohamad.
- Mohd Hilmi, M., & Kamaliah, S. (2013). Kempen Pencegahan H1N1 : Kajian Tentang Pengetahuan , Sikap Dan Amalan Penduduk Di Timur Laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 127–140.
- Mohd Musa, S., Mohamad Sabri, H. & Khairul, A. M. (2014). Sikap Pencarum dan Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Penamaan Wasi di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. *E-Jurnal Penyelidikan & Inovasi*, 1(2), 1–15.
- Mohd Richard N. A. (2013). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11, 1–23.
- Mustazar, M., Alias, R., & Mohd Zukime, M. J. (2015). Permintaan Insurans Am Syarikat Insurans Am di Malaysia. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 5 (2), 279-292.
- Nurul Shahnaz, M., & Victorian, S. M. (2013). The Determinants of Life Insurance Demand: A Focus on Saving Motives and Financial Literacy. *Asian Social Science Journal*, 9 (5), 274 - 284.
- Pah, T., Syed, R., & Yasin, L. (2016). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia : Suatu pemerhatian konseptual Youth and the enculturation of the spirit of volunteerism in Malaysia : A conceptual observation. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(9), 161–172.
- Rafdi, N. J., Puad, N. A. M., Sanusi, S. W. S. A., & Shahar, W. S. S. (2017). Penerimaan Masyarakat Terhadap Perlindungan Takaful. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017*, 479–486.
- Rafdi, N. J., Suzlymn, S., & Shah, W. S. (2018). Hubungan di antara Faktor Pengetahuan dan Keyakinan dengan Persepsi Pensyarah terhadap Takaful : Kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Proceedings of The 6<sup>th</sup> International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018)*, 812-820
- Razak, M. I. M., Idris, R., Yusof, M. M., Jaapar, W. J. & Ali, M. N. (2013). Acceptance Determinants towards Takaful Products in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science* Vol. 3, 243-252.
- Sadad, M. (2012). Perkembangan Takaful Di Malaysia : Satu Kajian Undang-Undang Kewangan Islam, 240–261.
- Yuhanis C. H. (2015). Pengetahuan, sikap dan kesedaran pensyarah dalam pengamalan penyelidikan di politeknik premier. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional UTHM. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/7118/>